

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [ TAIPING ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar yang melanjutkan pendidikan tinggi ke luar negara setiap tahun untuk 5 tahun yang lalu secara berasingan dan terangkan punca-punca utama mereka memilih langkah tersebut.

**JAWAPAN**

Bilangan pelajar Malaysia yang melanjutkan pengajian ke luar negara mengikut tahun adalah seperti yang berikut:

<b>Bil</b>	<b>Tahun Pengajian</b>	<b>Jumlah Pelajar</b>
1.	2020	47,300
2.	2019	61,683
3.	2018	78,459
4.	2017	87,265
5.	2016	98,489
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>373,196</b>

Berdasarkan jadual di atas, didapati berlaku penurunan jumlah pelajar yang melanjutkan pengajian ke luar negara dari tahun 2016 sehingga tahun 2020. Walau bagaimanapun, data ini adalah berdasarkan maklumat pelajar yang telah berdaftar dengan Pejabat Education Malaysia Luar Negara dan juga pihak Kedutaan Malaysia. Selain itu, isu semasa penularan pandemik COVID-19 telah mengakibatkan berlaku penurunan yang ketara dari segi jumlah pelajar yang melanjutkan pengajian ke luar negara pada tahun 2020, iaitu hanya seramai 47,300

orang pelajar. Hal ini juga berkait rapat dengan penutupan sempadan negara-negara luar akibat penularan pandemik ini.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pelajar-pelajar Malaysia memilih untuk melanjutkan pengajian ke luar negara. Antara faktor yang telah dikenal pasti adalah:

- (i) Kos pengajian dalam bidang-bidang tertentu yang lebih murah di luar negara. Sebagai contoh, kos keseluruhan pengajian dalam bidang perubatan di Indonesia dan Mesir adalah jauh lebih murah dan ekonomik berbanding dengan di Malaysia;
- (ii) Syarat kemasukan ke universiti-universiti luar negara terutamanya di Timur Tengah adalah lebih terbuka dan dilihat sebagai daya tarikan kepada pelajar-pelajar Malaysia untuk melanjutkan pengajian di negara-negara berkenaan;
- (iii) Sebilangan besar pelajar juga memilih institut pendidikan tinggi luar negara disebabkan oleh kecenderungan kepada *ranking* serta bidang-bidang pengajian yang ditawarkan oleh institut berkenaan; dan
- (iv) Wujudnya peluang-peluang penajaan sama ada dalam bentuk biasiswa atau pinjaman yang disediakan oleh pelbagai pihak penaja sama ada daripada pihak Kerajaan atau swasta, dari dalam dan luar negara yang menarik minat pelajar Malaysia untuk melanjutkan pengajian mereka di luar negara.

Sekian terima kasih.